

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 JULY 2016

Dr. M silap, solidariti UMNO makin kukuh

um - 17/7/2016

MARANG 16 Julai - Percaturan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menubuhkan parti pembangkang baharu telah membangkitkan kesedaran kalangan pemimpin dan seluruh ahli UMNO untuk mengukuhkan lagi solidariti dalam menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Ketua UMNO Bahagian Marang, A. Latiff Awang berkata, malahan beliau percaya 'keterlanjuran' Dr. Mahathir itu turut mendorong semua ketua UMNO bahagian di seluruh negara bersepakat dan berdiri teguh menyokong pucuk pimpinan parti yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau seterusnya yakin sokongan kepada UMNO kembali utuh dan tindakan bekas Perdana Menteri itu yang terang-terangan bersekongkol dengan parti pembangkang termasuk DAP tidak akan menjejaskan UMNO.

"UMNO Marang tidak terjejas," katanya di sini, hari ini.